


PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2022



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama (*Ta'awun*) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, iaitu perkiraan berasaskan pertolongan secara kolektif yang di bawahnya peserta takaful bersetuju menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama bagi menyediakan manfaat kewangan bersama untuk dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional bagi menyediakan segala keperluan peserta. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi sekaligus menjadikan kami sebagai pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan dan keperluan kerohanian, setiap produk kami dicipta untuk memberikan ketenangan minda anda.

* *Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Ekuiti Income (Dana) bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang stabil dengan pertumbuhan modal jangka sederhana hingga jangka panjang.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana bertujuan untuk mencapai objektifnya dengan melabur dalam sebuah skim pelaburan kolektif patuh Syariah (Dana Sasaran) yang bermatlamat untuk mencapai objektifnya melalui pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat-syarikat disenarai di Malaysia yang mempunyai pencapaian konsisten bagi agihan dividen dan memiliki prospek untuk pertumbuhan modal atau peningkatan dalam agihan dividen masa hadapan.</p> <p>Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, gaya dan kedudukan. Peruntukan kepada, atau Dana Sasaran mungkin berubah jika ia dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana.</p> <p><i>Nota: Rujuk kepada pendedahan tambahan untuk butiran Dana Sasaran.</i></p>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana ke dalam Dana Sasaran; dan• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan ke dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islamik.
Tanda Aras Prestasi	<p>Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah (FBMS)</p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh diperolehi dari laman sesawang Bursa Malaysia dan Bloomberg.</i></p>
Pengurus Dana	Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Yuran & Caj	
Caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset	1.5% setahun
Caj Lain, jika ada	TIADA

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

Pendedahan Tambahan untuk Takafulink Dana Ekuiti Income

Takafulink Dana Ekuiti Income disalurkan ke dalam Eastspring Investments Islamic Equity Income Fund, yang diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda hanya akan dikenakan caj 1.5% untuk caj *Wakalah* pengurusan aset tahunan di peringkat Dana. Anda tidak akan dikenakan caj *Wakalah* pengurusan aset tahunan di peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Tahun	Prestasi Sebenar	Tanda Aras ^{^^}
2022	(5.22%)	(9.82%)
2021 [^]	0.82%	(2.81%)

[^] Takafulink Dana Ekuiti Income dilancarkan pada 18 September 2021. Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

^{^^} FBMS

Jadual berikut adalah berdasarkan sejarah prestasi Dana Sasaran.

Tahun	2022	2021	2020	2019 ^{**}
Prestasi Bersih (%)	(5.80%)	0.82%	17.46%	6.56%

^{**} Dana Sasaran dilancarkan pada 8 April 2019. Prestasi dana adalah dari tarikh dana dilancarkan hingga akhir tahun yang sama (pulangan tidak ditahunkan).

Prestasi dikira pada NAV[#] tahun n-1 hingga NAV[#] tahun asas n dengan pendapatan kasar atau dividen yang dilaburkan semula.

[#] NAV di sini merujuk kepada Nilai Aset Bersih Eastspring Investments Islamic Equity Income Fund.

Untuk maklumat lanjut mengenai Dana Sasaran, sila rujuk <https://www.eastspring.com/my>

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

* NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan masing-masing.

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang berkemungkinan timbul akibat perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya, keadaan pasaran, dipengaruhi pelbagai faktor termasuk kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan akibat keadaan ekonomi atau ketidakstabilan politik, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana pelaburan patuh-Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupakan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk kepada pelaburan yang dibuat oleh peserta. Risiko kecairan boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti cair yang ketat dan pemantauan aktif.

- **Risiko Sekuriti**

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah mengikut keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat individu. Oleh itu, sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana Sasaran akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Ketidapatuhan**

Ketidapatuhan undang-undang, peraturan dan syarat, resolusi Syariah, amalan dinyatakan, dasar dalaman dan prosedur boleh mengakibatkan celaan kawalselia, reputasi tercemar, dan potensi perkembangan berkurangan untuk Dana. Matlamat pelaburan juga boleh terjejas sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana telah mewujudkan kawalan dalaman yang ketat dan memastikan pematuhan berterusan terhadap undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan dinyatakan dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

Faktor Risiko

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai sebarang kekurangan yang berkaitan dengan mana-mana kualiti di atas, ia boleh menjejaskan prestasi Dana.

- **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau menjana pendapatan pada kadar yang seiring dengan inflasi, sekaligus menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut telah meningkat.

- **Risiko Pengelasan Semula Status Syariah**

Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut.

Peluang kerugian boleh berlaku akibat sekatan ke atas Dana Sasaran untuk menyimpan lebih keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Jika ia berlaku, Dana Sasaran perlu:

- i. melupuskan sekuriti berkenaan dengan kadar segera atau dalam masa satu (1) bulan kalendar jika nilai sekuriti melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada hari dagangan terakhir sebelum tarikh kuat kuasa pengelasan semula senarai sekuriti patuh Syariah ("Pengelasan Semula") yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh semakan ("Semakan") oleh Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada hari dagangan terakhir sebelum tarikh kuat kuasa Pengelasan Semula atau penilaian semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebih keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah pada dan selepas tarikh kuat kuasa Pengelasan Semula hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah;
- ii. untuk memegang sekuriti tersebut jika nilai sekuriti di bawah kos pelaburan pada hari dagangan terakhir sebelum tarikh kuat kuasa pengelasan atau penilaian semula sehingga jumlah dividen berikutnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti bersamaan dengan kos pelaburan di mana pelupusan perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan kalendar, keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah; atau
- iii. untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga lebih rendah berbanding kos pelaburan yang akan menyebabkan pengurangan nilai Dana Sasaran.

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

Faktor Risiko

- **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan ketelitian untuk memilih dana sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan dana-dana tersebut dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan dicapai. Ini boleh mengakibatkan pelabur mengalami kerugian bagi pelaburan mereka dalam dana sasaran.

Dana-dana sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana. Dalam keadaan tersebut, Pengurus Dana akan menggantikan dana-dana sasaran tersebut dengan skim pelaburan kolektif patuh Syariah lain yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana untuk memenuhi objektif Dana. Pelabur akan diberitahu mengenai pertukaran tersebut.

- **Risiko Tumpuan**

Risiko ini merujuk kepada risiko bahawa Dana Sasaran melaburkan sebahagian besar asetnya dalam sektor atau kawasan geografi tertentu yang boleh menyebabkan Dana lebih mudah terdedah kepada keadaan ekonomi yang memberi kesan terhadap industri atau rantau tertentu. Risiko ini dikurangkan melalui proses kepelbagaian yang dilaksanakan oleh Pengurus Dana Sasaran semasa menguruskan Dana Sasaran di mana Dana akan memegang portfolio kepelbagaian ekuiti patuh Syariah di pelbagai sektor dan negara.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan peserta sebelum melabur dalam Dana. Peserta perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Peserta harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami risiko-risiko dengan lebih baik.

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

TAKAFULINK DANA EKUITI INCOME

Maklumat Lain	
Pasaran Sasaran	<p>Peserta yang ingin mendapatkan aliran pendapatan yang stabil dan peningkatan modal, dengan toleransi risiko sederhana dan mempunyai tempoh pelaburan jangka sederhana hingga panjang.</p>
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset sandaran Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Dana tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal secara automatik dilabur semula dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.• Harga unit Dana dinilai pada akhir setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Bagaimanapun, disebabkan nilai pelaburan Dana pada akhir Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diketahui pada hari perniagaan berikutnya, penentuan harga unit Dana pada Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan pada 2 hari perniagaan berikutnya (T + 2).
Keadaan Pengecualian	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN boleh menggantung harga unit dan menangguhkan penerbitan atau penebusan unit, mahupun beralih kepada mana-mana dana di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah, misalnya intervensi yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin diberitahu kepada peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

TAKAFUL
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Level 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah pada tarikh penerbitan.
Terbitan Mac 2023*